

Forum Politik Semasa Etika dan Realiti

Oleh: Muhamad Irfan Kamaruddin

AHAD, 21 APRIL - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama-sama dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah menganjurkan satu forum politik bertempat di Dewan Kolej Kediaman CD.

Forum yang membincangkan topik "Politik Semasa Etika dan Realiti" itu menampilkan tiga orang ahli panel iaitu Dr. Ali Akbar, Pensyarah Sekolah Sains Sosial, Saudara Mohd Jumrat Misnun, Timbalan Presiden MPP, Saudara Mohd Nazarul, Exco Dakwah Masjid UMS dan moderator, Saudara Khairul dari Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS).

Pengarah program, Saudari Norayati Mohd Salleh berkata, forum itu diadakan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kepentingan etika dalam politik semasa.

"Pendedahan tentang etika ini sangat perlu memandangkan golongan mahasiswa ini merupakan aset negara yang perlu kita didik dengan etika yang luhur dalam setiap perbuatan mereka,"

Isi kandungan forum yang bertitik tolak kepada isu etika dalam perlaksanaan politik se-masa kini sangat menarik perhatian golongan pelajar kerana mereka merupakan agen penggerak kepada pembangunan

negara.

"Sebagai sebuah negara yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi seharusnya kita memaparkan etika yang baik termasuklah dalam mendedahkan berita. Sepatutnya kalau menurut perlaksanaan etika yang baik kita tidak seharusnya mendedahkan aib orang kepada khalayak dan ini yang kita bincangkan malam ini," jelas Dr. Ali Akbar.

Sementara itu saudara Mohd Jumrat turut sama menyeru kepada golongan mahasiswa supaya tidak mengamalkan etika yang tidak baik terutamanya dalam menyampaikan berita yang berkaitan dengan politik.

"Kita tahu bahang PRU-13 semakin hampir. Jadi kita tidak seharusnya menjadikan keadaan sekarang ini sebagai landasan untuk kita mende-dahkan berita yang melanggar prinsip etika yang telah digariskan dalam agama kita sendiri. Perkara ini jika tidak dibendung akan menimbulkan konflik dalam pembangunan negara kelak. Ini akan merugikan generasi akan datang," jelas beliau.

Forum yang memakan masa selama tiga jam itu berlangsung dalam keadaan baik dan mendapat sokongan daripada pelajar yang hadir.